

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(2)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 03 TAHUN 2016**

Tarikh : 30 Mac 2016 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.45 tengah hari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 03/2016 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara berikut:

2.1 Ucapan Tahniah Kepada Puan Kavitha A/P Chandragesan Di Atas Lantikan Ahli Majlis MPSJ Sesi 2016/2017

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Puan Kavitha A/P Chandragesan sebagai Ahli Majlis MPSJ bagi **Penggal 2016/2017** ini.

Justeru itu, pihak Majlis menaruh sepenuh kepercayaan dan keyakinan terhadap kebolehan Ahli Majlis di dalam memberikan sumbangan, nasihat dan bimbingan demi untuk memaju dan meningkatkan prestasi Majlis Perbandaran Subang Jaya. Diharapkan semua pihak dapat berganding bahu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang diamanahkan oleh pihak berkuasa Negeri.

2.2 Ucapan Tahniah Di Atas Kejayaan Penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSJ Tahun 2015

Tahniah diucapkan kepada 125 orang penerima yang terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah pendorong kepada pegawai dan anggota perkhidmatan awam untuk terus mencurahkan khidmat bakti serta idea demi mencapai misi dan visi MPSJ. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua **Ahli Jawatankuasa dan Urus Setia** di atas kejayaan dalam menganjurkan program Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSJ 2015 ini.

2.3 Ucapan Tahniah Di Atas Kejayaan Penganjuran OPS Mega Cari dan Musnah Aedes (MPSJ)

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menganjurkan satu program **OPS Mega Cari dan Musnah Aedes** yang telah berlangsung serentak di semua 24 Zon JKP. Program yang telah diadakan pada 26 Mac 2016 (Sabtu), telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua Ahli Majlis, Ahli Jawatankuasa Penduduk, Pegawai Kawasan, kakitangan MPSJ serta penduduk sekitar. Hasil daripada OPS tersebut telah mendapat sebanyak 2,248 bekas takungan air yang berpotensi sebagai tempat pembaikan nyamuk. Setiap bekas takungan telah diperiksa dan dimusnahkan. Hasil daripada pemeriksaan 2,248 bekas takungan tersebut, 138 bekas telah dikenalpasti positif pembiakan jentik-jentik.

2.4 Majlis Pelancaran Permohonan Permit Bazar Ramadan Secara Atas Talian (Online)

YBhg. Dato' Yang Dipertua telah merasmikan permohonan permit Bazar Ramadan secara atas talian (*online*). MPSJ, buat pertamanya kali melaksanakan permohonan Bazar Ramadan bagi tahun 2016 secara atas talian (*online*). Inisiatif terbaru ini diperkenalkan bagi memudahkan semua peniaga yang ingin memohon tapak perniagaan di Bazar Ramadan tanpa perlu datang ke MPSJ untuk mendapatkan dan menghantar borang permohonan. Permohonan secara atas talian (*online*) ini akan bermula daripada 1 April 2016 sehingga 17 April 2016. Pemohon boleh memohon dengan melayari laman web MPSJ di alamat www.mpsj.gov.my. Pemohon terlebih dahulu perlu mendaftar sebagai pengguna my@mpsj di dalam web yang sama.

Semua urusan permohonan boleh dilakukan sepenuhnya secara atas talian (*online*) termasuk mendaftar, memilih dan memuatnaik dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, gambar ukuran pasport, bil utiliti dan membuat pembayaran.

Pada peringkat permulaan ini, MPSJ juga menyediakan terminal komputer di Ibu pejabat dan setiap pejabat cawangan MPSJ seperti di Bandar Puteri, Puchong dan Serdang Jaya, Seri Kembangan. Ini untuk membantu serta memudahkan peniaga yang tidak mempunyai komputer untuk menguruskan permohonan tersebut. Inisiatif permohonan secara atas talian ini dijangka dapat menjimatkan masa peniaga kerana boleh melaksanakan urusan permohonan di mana sahaja dengan selesa tanpa perlu datang ke pejabat MPSJ. Penggunaan teknologi maklumat ini juga dapat menjimatkan kos kedua belah pihak di samping mengelakkan penggunaan kertas yang mana ia selari dengan dasar amalan Hijau MPSJ.

Sebagai makluman, untuk tahun 2016 pihak Majlis telah meluluskan sebanyak 25 tapak bazar Ramadan dan 1,452 petak untuk ditawarkan kepada peniaga selama sebulan sepanjang bulan Ramadan. Lokasi-lokasi yang terlibat merupakan lokasi lama yang telah menjadi tumpuan masyarakat setiap bulan

Ramadan seperti di USJ 4, USJ 7, Puchong Perdana, Puchong Prima, Bandar Kinrara 5, Taman Seri Serdang dan lokasi baru yang berpotensi seperti Batu Tiga dan SS 13.

2.5 Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Dan Zon Bersih MPSJ 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan mengadakan Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Zon Bersih 2015 pada 10 April 2016 (Ahad), jam 8.00 malam di The Place, One City, Subang Jaya. Majlis ini akan dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Menteri Besar Selangor.

Objektif majlis ini adalah untuk memberi penghargaan dan juga pengiktirafan terhadap usaha-usaha Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ dalam memajukan masyarakat di samping memberi suntikan semangat kepada JKP untuk terus bergerak aktif. Selain itu, majlis ini juga adalah untuk memberi penghargaan kepada mantan Ahli Majlis MPSJ di atas sumbangan mereka semasa mereka berkhidmat dengan Majlis sepanjang tahun 2015. Penyampaian anugerah terbahagi kepada dua anugerah iaitu:

- Anugerah Zon Bersih JKP MPSJ 2015 hanya melibatkan empat (4) Zon JKP sahaja iaitu (Zon 1, Zon 6, Zon 19 dan Zon 23) dan kriteria pertandingan adalah seperti berikut:

Anugerah Zon Bersih JKP MPSJ 2015 :

- i. Penganjuran Program Kemasyarakatan
 - ii. Pengurusan Inden JKP dan Peruntukan Zon Bersih
 - iii. Pemantauan Kebersihan Persekitaran
 - iv. Pemantauan Kesihatan Awam
 - v. Dokumentasi
 - vi. Anugerah Inovasi
 - vii. Zon Bersih JKP MPSJ terbaik Keseluruhan
- Anugerah JKP MPSJ 2015 pula melibatkan dua puluh empat (24) Zon JKP dan anugerah yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

Anugerah JKP MPSJ 2015 :

- i. Anugerah Program Kemasyarakatan JKP MPSJ Terbaik
- ii. Anugerah Pengurusan Kewangan JKP MPSJ Terbaik
- iii. Anugerah Pengurusan Projek Inden JKP MPSJ Terbaik
- iv. Anugerah Kepimpinan JKP MPSJ Terbaik
- v. Anugerah Pegawai Kawasan JKP MPSJ Terbaik
- vi. Anugerah JKP MPSJ Terbaik Keseluruhan

2.6 Laporan Wabak Denggi

Bilangan kes demam denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 12 (iaitu sehingga 26 Mac 2016) adalah sebanyak 238 kes positif demam denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sebanyak **45 lokaliti hotspot** telah direkodkan dan jumlah ini menunjukkan penurunan berbanding bulan Februari iaitu sebanyak **51 lokaliti hotspot** telah direkodkan. Pecahan lokaliti *hotspot* yang direkodkan adalah seperti berikut:

- Zon Subang Jaya - 15 lokaliti *hotspot*
- Zon Kinrara - 6 lokaliti *hotspot*
- Zon Seri Serdang - 20 lokaliti *hotspot*
- Zon Seri Kembangan - 4 lokaliti *hotspot*

YBhg. Dato' Yang Dipertua menyarankan agar semua pihak memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

2.7 Garis Panduan Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan / Soho / Sovo

Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.38/2015 pada 30 Disember 2015, telah menimbang dan menengguhkan segala permohonan berkaitan dengan pangsapuri perkhidmatan / Soho / Sovo berkuatkuasa bermula **1 Januari**

2016 untuk tempoh enam (6) bulan iaitu sehingga 30 Jun 2016 atau sehingga Garis Panduan Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan yang dirangka siap disediakan dan dimuktamadkan (yang mana terdahulu).

2.8 Program Pemutihan Binaan Struktur Tambahan Kilang

Dimaklumkan bahawa tempoh Program Pemutihan Binaan Struktur Tambahan Kilang di dalam kawasan pentadbiran MPSJ akan tamah pada 31 Mac 2016 (Khamis). Selepas daripada tarikh tersebut pihak Majlis akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik-pemilik kilang yang gagal mengemukakan permohonan kelulusan permit struktur tambahan premis mereka.

Pihak Majlis telah mengeluarkan sebanyak 603 notis ke atas pemilik-pemilik kilang yang didapati mempunyai struktur tambahan tanpa kelulusan MPSJ. Dalam tempoh pelaksanaan program ini, sebanyak 387 permohonan kelulusan telah pun diterima dan diproses.

Pemilik yang mengemukakan permohonan selepas tamat tempoh pemutihan akan dikenakan bayaran 10 kali gandaan Fi proses permit dan juga akan dikenakan kompaun dengan kadar maksima.

2.9 Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Paparan-Paparan Iklan Yang Tidak Mempunyai Kelulusan MPSJ Di Kawasan Bersebelahan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban

Dimaklumkan bahawa hasil pemerhatian di tapak mendapati terdapat paparan-paparan iklan (*billboard* dan *unipole*) yang telah dibina di atas tanah-tanah kerajaan yang bersempadanan dengan Lebuhraya KL-Seremban, terutamanya di kawasan Seri Kembangan.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas paparan-paparan iklan ini sekiranya tapak tersebut tidak mempunyai kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) serta tidak mendapat kelulusan-

kelulusan teknikal seperti kelulusan Kebenaran Merancang, Permit Bangunan dan Lesen daripada pihak Majlis.

2.10 MPSJ Raih Kejayaan Antarabangsa

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima kejayaan di peringkat antarabangsa dengan merangkul anugerah *Smart City Innovative Applications Award 2016* dan *The Green Era Award*.

Anugerah *Smart City Innovative Applications Award 2016* adalah melalui kemenangan Projek Inovasi *Biomass Integrated Center* dan *Edible Green Community* di Nangang Exhibition Hall, Teipei World Trade Center pada 22 Mac 2016. Pengiktirafan ini dianugerahkan oleh The Taipei Computer Association dan telah disampaikan oleh Mr. Duh Tyzz-Jiun @ Woody Duh, Vice Premier of Executive Yuan, Taiwan. Berdasarkan kepada perincian projek dan menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur, MPSJ telah terpilih sebagai salah sebuah agensi bersama City De Catalunya dari Barcelona, Spain untuk memenangi anugerah tersebut.

The Green Era Award adalah satu lagi kejayaan yang breprestij di peringkat antarabangsa dan majlis penyampaian akan berlangsung pada 3-4 April 2016 di Intercontinental Hotel Berlin, Germany.

Kedua-dua penganugerahan ini telah diberikan kepada MPSJ di atas usaha, inovasi dan komitmen MPSJ yang konsisten dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif hijau dalam mewujudkan perbandaran bersifat mampan, serta meningkatkan kesejahteraan penduduk.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 02/2016

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 17 Februari 2016 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit dibincangkan.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.3/2016 Bertarikh 2 Mac 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.2 & M/surat 7	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Cadangan Pindaan Kepada Pelan Kelulusan Bagi Cadangan Pembangunan Pangsapuri 19 Tingkat (280 unit) - Dynamic Management Sdn Bhd	Beliau memohon supaya syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dilaporkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang. <u>Maklumbalas</u> YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Kejuruteraan melihat semula mengenai perkara ini dan memperhalusi syarat-syarat yang telah diputuskan berhubung isu trafik.
2.	Para 3.3 & M/surat 9	Encik Mohan Singh A/L	Dasar MPSJ bagi aktiviti restoran di kawasan Industri PJS 11 dikekal	Beliau memohon pertimbangan mesyuarat supaya mengkaji semula syarat-syarat yang telah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Surtar Singh	sebanyak 12 unit sahaja.	<p>ditetapkan oleh Dasar Majlis Bagi Aktiviti Restoran (Pusat Makanan) Yang Dibenarkan Beroperasi di Kawasan Industri PJS 11, Bandar Sunway seperti yang Diluluskan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 7/2013 Bertarikh 2 April 2013 Yang Menetapkan 12 Unit Kilang Sahaja Dibenarkan Untuk Digunakan Bagi Tujuan ini.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mempertimbangkan permohonan di masa akan datang tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat Majlis dan hasil kajian yang akan dimuktamadkan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perancangan Bandar diberi tempoh satu bulan untuk menyiapkan kajian serta melaporkan hasil kajian di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan datang.</p> <p>Timbalan Yang Dipertua meminta Jabatan Perancangan Bandar meneruskan kajian</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>berhubung dasar ini dan melaporkan hasil kajian di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p> <p>Seterusnya, Jabatan Penguatkuasa juga diminta untuk melaporkan kajian trafik di kawasan tersebut.</p>

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.4/2016 Bertarikh 17 Mac 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Hal-hal Lain	Encik Pooi Weng Keong	Penangguhan segala permohonan berkaitan dengan pangsapuri perkhidmatan / Soho / Sovo	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula arahan oleh pihak Kerajaan Negeri menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung penangguhan segala permohonan berkaitan dengan pangsapuri perkhidmatan / Soho / berkuatkuasa bermula 1 Januari 2016. Beliau juga mencadangkan agar pihak Majlis perlu memperhalusi sejarah-sejarah permohonan dan isu-isu berbangkit berkenaan sesuatu permohonan, sebelum

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>sebarang keputusan dimuktamadkan.</p> <p>Memandangkan surat arahan baru diterima pada bulan Mac 2016.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Perancangan Bandar untuk menyenaraikan permohonan beserta isu-isu berbangkit berkenaan sesuatu permohonan untuk dihantar kepada pihak Kerajaan Negeri bagi mendapatkan pertimbangan dan penjelasan lanjut.</p> <p><u>Keputusan</u></p> <p>Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03/2016 bertarikh 30 Mac 2016 telah bersetuju untuk mengekalkan semua keputusan yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.04/2016 berkenaan isu ini. Mesyuarat turut bersetuju untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai perkara ini di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat OSC yang akan datang.</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 2/2016 Bertarikh 8 Mac 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil.02/2016 bertarikh 14 Mac 2016 (Isnin)

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 & M/surat 12	Encik P. Ravi Chandaran A/L Periasamy	Longkang di Jalan Raya 5, Serdang Jaya	Beliau memaklumkan bahawa longkang di Jalan Raya 5, Serdang Jaya adalah longkang di bawah penyelenggaraan MPSJ. Sehubungan dengan itu, beliau juga memohon supaya pembentangan laporan perbelanjaan penyelenggaraan jalan raya, longkang dan lampu jalan dilaporkan dengan lebih terperinci mengikut zon JKP. <u>Maklumbalas</u> YBhg. Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dan meminta Jabatan Kejuruteraan untuk menyediakan laporan perbelanjaan penyelenggaraan dengan lebih terperinci mengikut zon JKP.</p>
2.	Para 5.2 & M/surat 13	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Kerja-kerja Pembaikan Kekal Kaedah <i>Mill & Pave'</i> Bagi Korekan Jalan di Kawasan MPSJ	<p>Beliau mohon penjelasan lanjut mengenai perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mempertingkatkan pemantauan ke atas kerja-kerja korekan jalan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Selain daripada itu juga, pihak Majlis akan menggunakan mekanisme baru bagi memastikan kerja-kerja pembaikan/korekan jalan dilaksanakan dengan lebih baik sekaligus akan terus membuat pemantauan ke atas kerja-kerja tersebut, seperti yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil.02/2016</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				bertarikh 14 Mac 2016.
3.	Para 8.7.2 & M/ surat 27	Puan Wong Siew Ki	Baikpulih cerun di Apartmen Excelsa, Taman Universiti Indah	<p>Beliau memohon maklumbalas mengenai status tindakan MPSJ berkenaan isu ini.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa Perunding telah dilantik untuk melaksanakan kajian dan pelaporan berhubung isu ini.</p>
4.		Tuan Ir. Izham Bin Hashim	Hal-hal lain (Projek Terbengkalai)	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mewujudkan Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai yang merupakan terbitan daripada Jawatankuasa Infrastruktur.</p> <p>Beliau juga menyarankan agar mesyuarat tersebut dapat diadakan dalam tempoh terdekat.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Bangunan untuk mengambil tindakan segera dan membuat pelantikan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				keahlian Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.
5.		Encik Yap Kok Weng	Hal-hal lain	<p>Beliau memohon maklumbalas berhubung kajian jalan sehalu di Jalan Merbah, Bandar Puchong Jaya, Puchong dan kajian aliran trafik di Jalan Kenari, Bandar Puchong Jaya, Puchong. Justeru itu, beliau memohon supaya perkara ini dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Kejuruteraan untuk membentangkan laporan kajian di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 2/2016 Bertarikh 15 Mac 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil.02/2016 Bertarikh 15 Mac 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan **pindaan**.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	M/surat 1	Encik Pooi Weng Keong	Kehadiran Mesyuarat	Pindaan Minit: Beliau meminta supaya nama beliau dimasukkan dalam senarai kehadiran ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil.02/2016.
2.	Para 5.1.5 & M/surat 11	Encik Pooi Weng Keong	Pengurusan Inden JKP MPSJ Tahun 2016	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengekalkan peruntukan kemasyarakatan sebanyak RM22,000.00. Manakala peruntukan inden daripada RM64,000.00 dikurangkan kepada RM60,000.00 seperti yang dipersetujui oleh Ahli Majlis.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><u>Keputusan</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2016 bertarikh 30 Mac 2016 bersetuju meluluskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peruntukan Kemasyarakatan JKP bagi tahun 2016 sebanyak RM22,000.00 setahun. ▪ Peruntukan Inden JKP bagi tahun 2016 sebanyak RM60,000.00 setahun.
3.	Para 6.6 & M/surat 27	Encik Chang Kim Loong	<p>Permohonan kemudahan bilik di Kompleks 3K, SS13 untuk:</p> <p>i. <i>Community Centre</i> untuk warga emas (Pusat Setempat Warga Emas)</p>	<p>Beliau memohon pertimbangan MPSJ untuk menyediakan kemudahan bilik di Kompleks 3K, SS13 untuk:</p> <p>i. Bilik sebagai <i>Community Centre</i> untuk warga emas bagi mencapai hasrat JKP Zon 3 merealisasikan Projek Pertama 'Pusat Setempat Warga Emas'</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>ii. Bilik operasi bagi perkhidmatan Ambulans oleh Subang Jaya Medical Emergency Response Team</p>	<p>ii. Bilik untuk SJ Beacon menjalankan operasi bagi perkhidmatan ambulans yang disediakan oleh Subang Jaya Medical Emergency Response Team. Ini adalah sebagai 'Pilot Project' selaras dengan hasrat JKP Zon 1 hingga Zon 4.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mempertimbangkan dan memperhalusi permohonan ini. Sehubungan dengan itu, Ahli Majlis, Encik Chang Kim Loong diminta untuk menyemak kertas cadangan yang lengkap bagi kedua-dua permohonan tersebut untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan sebelum sebarang keputusan diputuskan.</p>

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil.2/2016 bertarikh 21 Mac 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima laporan** dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.6 & M/surat 8	Encik Jaber Bin Ami	Borang Bazar Ramadan	<p>Beliau mencadangkan supaya Jabatan Pelesenan membuat taklimat kepada semua Pembantu Ahli Majlis untuk menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai permohonan bazar Ramadan <i>online</i>.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan Pelesenan mengadakan satu taklimat kepada Pembantu Ahli Majlis bagi menerangkan dengan lebih lanjut mengenai permohonan bazar Ramadan online.</p>
2.	Para 4.7 & M/surat 8	Puan Sharmazira Binti Md Sharif	Senarai Peniaga Bazar Ramadan Yang Disenarai Hitam	<p>Beliau memohon penjelasan mesyuarat mengenai perkara ini.</p> <p><u>Keputusan</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2016</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				bertarikh 30 Mac 2016 bersetuju untuk menggantung lesen bagi tempoh setahun sahaja ke atas peniaga yang telah disenaraikan.
3.	Para 4.8 & M/surat 9	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Peniaga Tanpa Izin Bukan Warganegara di Pasar Borong Selangor	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai tindakan MPSJ terhadap isu peniaga tanpa izin.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato Yang Dipertua mencadangkan supaya Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sama-sama turun ke tapak untuk melihat sendiri situasi sebenar yang berlaku di Pasar Borong.</p>
4.	Para 10.7 & M/surat 38	Encik Roslan Shahir Bin Datuk Mohd Shahir	Permohonan Baru dan Cadangan Permohonan Bagi Lesen Hiburan dan	Beliau memaklumkan bahawa setelah mendapat pengesahan dan merujuk kepada Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995,

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Tempat Hiburan	<p>Enakmen 9 Tahun 1995, Seksyen 18 yang tidak membenarkan mana-mana orang beragama Islam untuk memohon lesen seumpama ini.</p> <p>Sehubungan dengan itu, bagi permohonan ini, beliau mencadangkan supaya pemohon menukar nama pemohon kepada penama bukan Islam. Walau bagaimanapun perkara ini perlu dipatuhi untuk permohonan-permohonan lain dimasa akan datang.</p> <p><u>Keputusan</u></p> <p>Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2016 bertarikh 30 Mac 2016 bersetuju bahawa permohonan bagi lesen hiburan dan tempat hiburan hendaklah dibuat permohonan di atas nama pemohon yang bukan Islam.</p> <p>Bagi permohonan terdahulu, Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan Pelesenan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				meminta pemohon membuat pertukaran nama.
5.	Para 10.13 & M/surat 53	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Permohonan Lesen Tempatkan Kereta Di Stesen LRT Kinrara BK 5, Bandar Kinrara	<p>Beliau kurang bersetuju dengan cadangan mengenakan caj parkir, memandangkan pihak Prasarana Malaysia Berhad juga telah mengenakan tambang untuk perkhidmatan LRT.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan untuk menyemak dan perhalusi semula kadar caj parkir yang dikenakan.</p>
6.	Para 10.17 & M/surat 61	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Permohonan Lesen Perniagaan Dan Iklan Tempatkan Kereta Perkhidmatan Vallet di Sunway Resort Hotel & Spa	<p>Beliau memaklumkan ada pihak yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan ke atas perkhidmatan 'vallet parking'.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Penguatkuasaan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				menyemak semula dan mengambil tindakan yang lebih tegas. Perkara ini perlu dimaklumkan kepada pemunya premis, bukan kepada pengusaha <i>Vallet</i> sahaja.
7.	Para 11.5 & M/surat 80	Puan Wong Siew Ki	Kedai Fotostat	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai kedai-kedai fotostat yang telah dikenakan kompaun.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memohon supaya kertas cadangan Pusat Servis Internet dibentangkan dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan akan datang.</p>
8.	Para 11.6 (iv) & M/surat 81	Encik Yap Kok Weng	Kajian untuk mengenakan caj parkir di BK5, Bandar Kinrara dan Jalan Merbah, Bandar Puchong Jaya	<p>Beliau telah membuat lawatan tapak bersama wakil MPSJ. Mereka bersetuju untuk menjadikan kawasan tersebut kawasan parkir bermeter.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memohon untuk menjemput syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. untuk hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang untuk membincangkan isu-isu berhubung parkir bermeter.</p>
9.		Encik Roslan Shahir Bin Datuk Mohd Shahir	Hal-hal lain	<p>Beliau mencadangkan supaya lokasi Bazar Ramadan di hadapan Kompleks 3K, SS 13 dipindahkan ke lokasi bersebelahan dengan tapak gerai Majlis SS13, di Subang Jaya. Beliau mohon agar dipertimbangkan memandangkan di lokasi sedia ada kurang mendapat sambutan.</p> <p>Selain itu, beliau juga mencadangkan tapak Bazar Ramadan di SS18, Subang Jaya yang telah ditutup disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan LRT dibuka semula. Lokasi yang dicadangkan adalah berhampiran dengan lokasi lama dan sesuai untuk dijadikan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>tapak Bazar Ramadan. Ini adalah kerana lokasi tapak lama tidak sesuai lagi disebabkan oleh pembinaan stesen LRT.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat bersetuju meluluskan perpindahan Bazar Ramadan SS13, Subang Jaya berhampiran tapak gerai Majlis di SS13, Subang Jaya.</p> <p>Manakala cadangan pembukaan semula Bazar Ramadan di SS18, Subang Jaya akan diperhalusi dan dipertimbangkan setelah semakan tapak bersama Dato' Yang Dipertua dilaksanakan.</p>
10.		Encik Pooi Weng Keong	Hal-hal lain	Beliau menerima aduan bahawa MPSJ tidak hadir ke Mesyuarat Lembaga Pelesenan Daerah serta gagal memberi ulasan bagi permohonan lesen minuman keras. Ini menyebabkan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling tidak dapat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memberikan kelulusan ke atas beberapa permohonan.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan menyemak semula dan mengambil tindakan susulan berhubung isu ini.</p>

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.2/2016 bertarikh 22 Mac 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan **pindaan**.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & M/surat 5	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Cadangan Penyewaan Petak Khas oleh Titijaya Asset Sdn Bhd Di kawasan First Subang Mall, SS15, Subang Jaya	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai cadangan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah memutuskan untuk mengekalkan keputusan sedia ada dengan memberi keutamaan parkir kepada penggunaan dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				kepentingan awam.
2.	Para 5.7 & M/surat 11	Encik Chang Kim Loong	Pengurusan Inden JKP MPSJ Tahun 2016	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengekalkan peruntukan kemasyarakatan sebanyak RM22,000.00. Manakala peruntukan inden dikurangkan daripada RM64,000.00 kepada RM60,000.00 seperti yang dipersetujui oleh Ahli Majlis.</p> <p><u>Keputusan</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.03/2016 bertarikh 30 Mac 2016 bersetuju meluluskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peruntukan Kemasyarakatan JKP bagi tahun 2016 sebanyak RM22,000.00 setahun. ▪ Peruntukan Inden JKP bagi tahun 2016 sebanyak RM60,000.00 setahun.

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT / KERTAS MAKLUMAN

6.1 Pembentangan Draf Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

Setelah meneliti dan berbincang mesyuarat **bersetuju** dan **menerima** pembentangan Draf Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

Makluman

7.0 **PENUTUP**

Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **April 2016** akan diadakan pada **29 April 2016 (Jumaat)** jam 10.00 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), A.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 8. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 9. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 21. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 22. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 23. | Encik Chang Kim Loong | - | " |
| 24. | Puan Wong Siew Ki | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Chia Yew Ken | - | Ahli Majlis |
|----|--------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
9. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
13. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
14. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
17. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

18. Puan Satinah binti Safirol
Pengarah, Jabatan COB
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
20. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
22. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
23. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
24. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
28. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
29. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
30. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan

31. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
32. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan
33. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
34. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
35. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
41. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
42. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

44. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
46. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
47. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
48. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
49. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
50. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
51. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
52. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
53. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
54. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
56. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

57. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
58. Puan Diana binti Muhamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Puan Zaiyanazareth binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
62. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
63. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
64. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
65. Puan Nurul Saadah binti A. Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUS SETIA

1. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan